

DATE: **17 APRIL 2017 (MONDAY)**

MEDIA: **KOSMO – PROGRAM DERMA DARAH FOMEMA BERJAYA TARIK 100 PENDERMA – PG.50**



MOHD. HATAR (berdiri, belakang) beramah mesra bersama salah seorang penderma semasa hadir pada program derma darah anjuran Fomema di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program derma darah Fomema berjaya tarik 100 penderma

KEMPEN. Sebanyak 100 beg darah berjaya dikumpul pada program #jomdermadarah anjuran Agensi Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (Fomema) di The Icon@ Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program tahunan itu mendapat kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) bagi mengisi tabung darah PDN. Ketua Pegawai Eksekutif Fomema, Datuk Mohd. Hatar Ismail berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada

usaha tanggungjawab sosial pihaknya bersama masyarakat.

"Sambutan orang ramai yang tampil menderma darah amat dipuji kerana sumbangan ini besar maknanya kepada para penerima," ujarnya.